

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 4 OKTOBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 26

### Telaga minyak Fasa 3 Gumusut-Kakap mulakan pengeluaran



Pada suku pertama 2023, empat telaga akan menambah kira-kira 25,000 tong sehari.  
(Foto ihsan PETRONAS)

## Telaga minyak Fasa 3 Gumusut-Kakap mulakan pengeluaran

**Projek** pembangunan telaga minyak laut dalam Petroliam Nasional Bhd (PETRONAS) iaitu Fasa 3 Gumusut-Kakap (GK) di luar pesisir Sabah, mencatat pengeluaran minyak pertamanya pada 31 Julai 2022.

Dalam satu kenyataan, syarikat minyak dan gas negara itu berkata Sabah Shell Petroleum Co Ltd adalah pengendali projek GK dengan kerjasama Petronas Carigali Sdn Bhd, ConocoPhillips Sabah Ltd, PTT Exploration and Production Public Company Ltd dan PT Pertamina Malaysia Eksplorasi Produksi.

Dalam usaha itu, dua telaga pengeluaran minyak baharu serta dua telaga penyuntik air telah digerudi.

Menurut PETRONAS, apabila siap sepenuhnya dalam suku pertama 2023, empat telaga terbabit akan menambah kira-kira 25,000 tong sehari kepada kapasiti pengeluaran GK yang sedia ada.

“PETRONAS amat berbangga dengan kegigihan kontraktor pengatur petroleum, termasuk penyedia perkhidmatan yang dengan sokongan kukuh kerajaan Sabah, berjaya mengatasi cabaran projek berkenaan terutama ketika kemuncak pandemik.

“Ini jelas membuktikan ketahanan ekosistem minyak dan gas tempatan. Biarpun kawasan cetek terus menyokong pengeluaran negara, (prospek) masa depan sebaliknya bergantung kepada peranan laut dalam yang menjadi satu perempat daripada jumlah keluasan luar pesisir kita,” kata Naib Presiden Kanan PETRONAS bagi Pengurusan Petroleum Malaysia (MPM), Mohamed Firoz Asnan.

PETRONAS menerusi MPM, menguruskan pengaturan petroleum di Malaysia selain menyediakan pengurusan aktiviti hulu-an petroleum.

BERNAMA